

PBS mahu anjur pertemuan guru silat

10 MAY 1987

Berita Minggu

USAHA-USAHA untuk meningkatkan seni silat Melayu di sini akan dibincangkan apabila kira-kira 30 orang pendekar dan guru silat bertemu pada 12 Mei ini.

Sebagai langkah pertama ke arah itu, Persatuan Bawean Singapura (PBS) akan menganjurkan pertemuan di kalangan pendekar-pendekar dan guru-guru silat yang menjadi ahlinya.

Menerangkan usaha ini, Setiausaha PBS Haji Mohd Sadli berkata, PBS berasa perlu bahawa segala segi seni silat Melayu setempat di tingkatkan lagi.

Maka itu, Jabatan Kebajikan PBS di bawah pimpinan Haji Buang Masadin, akan bertukar-tukar pandangan dengan pendekar-pendekar dan guru-guru silat bagi mencapai matlamat tersebut.

Pertemuan yang akan diadakan di rumah PBS di Ballestier Road akan bermula pada 10.30 pagi.

Ia juga akan berusaha mencari jalan mengenai bagaimana kerjasama dapat dijalankan antara pendekar-pendekar dan guru-guru persilatan kita.

"Kerjasama ini amat penting dalam kita berusaha untuk meningkatkan taraf persilatan setempat," ujarnya.

Sejarah silat Bawean jadi bahan bincang

14 MAY 1987

PERTEMUAN guru-guru silat yang dijadual membincangkan bagaimana silat Melayu dapat ditingkatkan bertukar menjadi medan perbincangan mengenai sejarah Silat Bawean Asli.

Laporan mengenai sejarah silat itu telah disiapkan oleh Encik Basri Alang, salah seorang anggota jawatankuasa Persatuan Bawean Singapura (PBS).

Jika diterima, laporan itu mungkin dibukukan, kata Setiausaha PBS, Haji Mohamad Sadli.

Encik Basri, bersama lima orang wakil — Haji Mohamad, Haji Ismaon Haji Ali, Mohd Zain, Mohd Seain Madsom dan Haji Abdul Samad Haji Ahmad — telah melawat Pulau Bawean dalam April 1986.

Seramai 12 orang guru silat dari perguruan Bawean Asli, Silat Sunda, Selayang Pandang dan Cekak hadir dalam pertemuan tersebut di rumah persatuan PBS di Ballestier Road pagi kelmarin.

Bekerjasama

Pada mulanya, PBS ingin menganjurkan pertemuan di kalangan pendekar dan guru silat yang menjadi ahlinya untuk membincangkan bagaimana seni silat Melayu dapat ditingkatkan dan bagaimana pendekar dan guru persilatan dapat bekerjasama.

Dalam pertemuan itu, mereka yang hadir berpendapat bahawa Silat Bawean Asli bukan berpunca daripada Saidina Ali dan tidak datang menerusi Melaka, Batu Pahat dan Singapura seperti yang tercatat dalam laporan itu.

Ia berasal dari Pulau Bawean sendiri, kata Haji Mohamad.

Gendang yang mengiringi permainannya pula adalah dari Timur Sulawesi, bukan Bawean.

Menurut Haji Mohamad lagi, laporan itu, pada keseluruhannya, dapat diterima.

Satu lagi perbincangan mengenainya akan diadakan tiga minggu selepas Hari Raya oleh pesilat-pesilat Silat Bawean Asli.